

BERITA HARIAN

DATE: 11 / 7 / 2008

'Saya terharu kepercayaan PM'

BH - 11/7/2008

Peralihan kuasa 2010 boleh perteguh BN

Oleh Norfatimah Ahmad,
Anwar Hussin, Abdul Halim
Yusoff, Magendran Rajagopal
dan Mohd Farid Noh
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak terharu dengan keyakinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang memilihnya sebagai pengganti untuk menerajui kepemimpinan parti serta negara pada peralihan kuasa yang dijadualkan pertengahan 2010.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keputusan Abdullah untuk melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno pada 2010 itu bukan satu perkara yang mudah tetapi dilakukan demi keutuhan parti.

Pada masa sama, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno meminta semua ahli parti menyokong kepemimpinan Abdullah sebagai Perdana Menteri serta Presiden Umno apabila tiba masanya.

"Saya amat terharu dengan keikhlasan Perdana Menteri untuk menetapkan masa peralihan kuasa dan berharap semua ahli Umno akan menyokongnya," katanya dalam taklimat khas Presiden Umno bersama ketua bahagian Umno dan sayap

parti, di sini semalam.

Sesuatu yang menarik dalam taklimat khas berkenaan ialah apabila Najib berucap selepas Perdana Menteri selesai membuat ucapan di hadapan kira-kira 1,000 ahli.

"Adalah ganjil untuk saya berucap selepas Presiden. Saya berharap ini kali terakhir saya berbuat demikian," katanya.

Najib berkata, sebenarnya beliau diminta memberi ucapannya selepas Abdullah untuk memberinya peluang mendengar amanat Perdana Menteri dan menyampaikan reaksinya terhadap perkara itu.

Dalam taklimat itu, Najib menegaskan beliau tidak pernah sesekali meminta atau menekan Abdullah menetapkan tarikh peralihan kuasa.

“Saya amat terharu dengan keikhlasan Perdana Menteri untuk menetapkan masa peralihan kuasa dan berharap semua ahli Umno akan menyokongnya”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

"Saya menyerahkan kepada Perdana Menteri. Apa yang saya minta adalah memberi masa kepada saya membuat perseidaan," katanya yang meminta semua Umno Bahagian mencalonkan Abdullah sebagai Presiden Umno dalam pemilihan parti Disember ini.

"Tetapi jangan pula lupa mencalonkan saya sebagai Timbalan Presiden," katanya berselero.

Najib berkata, beliau sentiasa memegang kepada prinsip Umno supaya parti itu tidak berpecah walaupun didesak sesetengah pihak supaya menentang Abdullah sebagai Presiden dalam pemilihan parti.

"Peralihan kuasa perlu dilakukan mengikut tradisi parti dan adat Melayu. Saya mahu mendaapat restu ketua saya dan tidak mahu bekas ketua menghentam saya," katanya yang merujuk tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang sentiasa mengkritik kepemimpinan Abdullah.

Dalam sidang media, Najib berkata, pengumuman Abdullah itu bermakna bermulalah proses peralihan kuasa secara tersusun dan teratur mengikut tradisi Umno.